

# PM: Atur strategi kebangkitan ummah

Daripada JOHAN JAAFFAR

**C**ASABLANCA 14 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa umat Islam mengatur strategi bagi memastikan kebangkitan semula perpaduan Islam dan mengembalikan keyakinan ummah sebagai satu kuasa yang dihormati.

Beliau berkata, kedua-duanya perlu bagi memungkinkan dunia yang lebih adil dan seimbang.

Dr. Mahathir menegaskan, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu mengorak langkah bagi membolehkan organisasi itu diperkukuh agar ia dapat menjadi suara perpaduan dan kerjasama Islam yang sebenar.

Perdana Menteri membuat gesaan itu di sidang puncak ke-7 pertubuhan itu di sini hari ini.

Beliau diberi penghormatan berucap mewakili Asia.

Dr. Mahathir menganggap

adalah penting negara-negara anggota OIC melihat secara jujur kelemahan dan pencapaian pertubuhan itu selama 25 tahun ini.

“Kita patut berbangga dengan kenyataan bahawa organisasi ini telah berjaya menyuarakan keprihatinan dan kepentingan bersama ummah di samping membawakan isu-isu yang berkaitan dalam forum antarabangsa,” kata beliau.

Demikian juga, OIC harus berbangga bahawa jumlah keanggotaan pertubuhan itu telah meningkat dari 25 pada tahun 1969 menjadi 52 hari ini.

**[Sidang akhbar PM — muka 2]**

Apa yang lebih membanggakan ialah penyertaan beberapa negara Asia Tengah yang merupakan serpihan daripada empayar Soviet Russia.

Menurut Dr. Mahathir lagi, pada waktu yang sama, tidak ada

■ **Lihat muka 2**

## PM: Atur strategi kebangkitan ummah

salahnya anggota OIC melihat ke belakang untuk mengkaji sebarang bentuk kelemahannya.

Beliau gembira bahawa mesyuarat peringkat menteri telah menyetujui penubuhan kumpulan pakar (Eminent Persons Group) bagi menilai semula prestasi dan keberkesanan OIC.

Kata beliau, “Kita sepatutnya menjadi suara yang kuat dalam hal ehwal antarabangsa kalau kita lebih sepakat.

“Kita juga sepatutnya lebih diyakini dan dihormati sekiranya kita lebih cekap dan lebih komited dalam perjuangan kita,” ujar beliau.

Dr. Mahathir juga berkata, umat Islam sepatutnya dipandang lebih mulia dan dihormati sekiranya mereka menguasai ekonomi yang kukuh dan kerajaan yang lebih berkesan dan stabil.

Kerana itu, katanya, acara memperingati 25 tahun OIC yang kebetulan dirayakan di tanah tempat bermulanya pertubuhan itu mempunyai kepentingannya yang tersendiri.

Beliau menyarankan pertemuan kali ini dimanfaatkan untuk melihat secara jujur perjalanan OIC.

Dr. Mahathir juga menganggap perlu dicari jalan bagi memperkukuhkan OIC agar ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan dihormati.

Atas pertimbangan inilah, OIC tidak ada pilihan lain kecuali menjadi suara perpaduan dan kerjasama di kalangan ummah dan negara Islam yang sebenar.

### Perubahan besar

Beliau juga mengingatkan bahawa adalah wajar OIC menanggapi perubahan besar yang sedang berlaku dengan berakhirnya Perang Dingin.

“Satu order baru atau mungkin juga bentuk kekacauan baru mulai ditimpakan ke atas ummah dan kepentingan mereka.

“Kerana itu pertubuhan ini dan ummah seluruhnya harus dilengkapkan secukupnya bagi menangani cabaran dan peluang abad ke-21,” kata beliau.

Bagi Dr. Mahathir, apa yang diperlukan dari OIC ialah keseriusan dan iltizam baru untuk menjadikannya lebih efektif apabila diperlukan.

Pada waktu yang sama, umat Islam juga harus bersedia mengeneipkan amalan dan nilai yang selama ini tidak semestinya Islamik dan relevan.

Apa yang diperlukan sekarang ialah menekankan disiplin bagi memastikan nilai-nilai Islam yang sebenar dapat dilaksanakan.

Menurut beliau, nilai-nilai ini menjadi tonggak kepada kekuatan Islam sehingga ia dapat bertapak dan kemudiannya berkembang pada abad pertama hijrah.

Upacara perasmian sidang puncak di Casablanca ini dirasmikan oleh Raja Hassan II, pemerintah Maghribi.

Majlis itu, bagaimanapun bermula tujuh jam lewat dari jadual asalnya. —*Utusan*.